

SIARAN MEDIA

PENENTUAN AWAL AFIRMATIF PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN MENGENAI IMPORT CELLULOSE FIBRE REINFORCED CEMENT FLAT DAN PATTERN SHEET YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK INDONESIA

Kerajaan Malaysia telah membuat penentuan awal berkenaan penyiasatan anti-lambakan mengenai mengenai import keluaran *Cellulose Fibre Reinforced Cement Flat* dan *Pattern Sheet* (FCB) yang berasal atau dieksport dari Republik Indonesia dan Kerajaan mendapati bahawa terdapat bukti yang mencukupi untuk meneruskan siasatan terhadap pengimportan produk berkenaan dari negara tersebut seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 23 Akta Duti Timbal Balas dan Anti Lambakan 1993 (Akta).

Kerajaan juga telah memutuskan untuk mengenakan duti anti-lambakan sementara dalam bentuk jaminan bank yang bersamaan dengan nilai margin lambakan yang telah dikenal pasti dalam penentuan awal. Duti anti-lambakan sementara iaitu sebanyak 35.43% dan 108.10% akan dikenakan ke atas import dagangan subjek dari negara berkenaan dan ianya akan berkuat kuasa bagi tempoh tidak melebihi 120 hari mulai 22 November 2019. Duti anti-lambakan sementara ini juga akan mengecualikan subjek dagangan yang diimport untuk penggunaan *external roofing*.

Penyiasatan ini telah dimulakan selaras dengan Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 dan Peraturan-Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994 pada 26 Julai 2019 berdasarkan petisyen yang difailkan oleh UAC Berhad (Pempetisyen) yang mewakili industri tempatan yang mengeluarkan produk serupa. Pempetisyen mendakwa FCB yang berasal atau dieksport dari negara berkenaan telah diimport ke Malaysia pada harga yang lebih rendah daripada harga yang dijual di pasaran domestik negara-negara tersebut. Pempetisyen mendakwa keadaan ini telah menyebabkan kemudaratan material kepada industri tempatan di Malaysia.

Penentuan muktamad akan dibuat tidak lewat daripada 21 Mac 2020. Pihak berkepentingan seperti pengimport, pengeluar/pengeksport asing dan persatuan-persatuan berkaitan dengan penyiasatan boleh mendapatkan salinan versi tidak sulit laporan mengenai Penentuan Awal dengan membuat permohonan bertulis kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri di alamat berikut:

**Pengarah
Seksyen Amalan Perdagangan
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Aras 9, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur
MALAYSIA**

No. Telefon : (603) 6208 4631/4636/4645
No. Faksimili : (603) 6211 4429
Emel : alltps@miti.gov.my

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
22 November 2019

-TAMAT-

Mengenai MITI:

Kementerian Perniagaan dan Industri ditubuhkan pada April 1956 dan dinamakan semula sebagai Kementerian Perdagangan dan Industri pada Februari 1972. Pada 27 Oktober 1990, Kementerian tersebut telah dipecahkan kepada dua iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

MITI ialah penggerak utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara sebagai negara yang berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Media enquiries

**Ministry of International Trade & Industry
Strategic Communications Unit**

Tel +603 6200 0083
Fax +603 6206 4293
E-mail allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my